

Received	16 Jan 2026	Revised	14 Feb 2026
Accepted	27 Apr 2026	Published	30 May 2026
Page	147-157		
DOI	https://doi.org/10.24035/jopi.01.2026.11		

Islamisasi Sebagai Ideologi Sosial dan Dinamika Hubungan Kaum di Malaysia

Islamization as a Social Ideology and the Dynamics of Inter Ethnic Relations in Malaysia

Muhammad Nizamuddin Azmi¹ & Jaffary Awang²

Abstract

The reinforcement of Islamic values in the country's life system is a social and ideological process that shapes Islamization in Malaysia. This process does not only involve religious aspects, but it also influences the social, political, and cultural dimensions of a plural society. Policies introduced since the rise of Islamization in the 1980s—such as the Policy of Islamic Values Integration, Islam Hadhari, and Malaysia Madani—have been institutionalized to embed Islamic values. This process demonstrates that Islamization is not merely a religious matter but is rooted in a social ideology that shapes national identity and interethnic relations. Therefore, this study examines how the ideology of Islamization affects the social dynamics between ethnic groups in Malaysia, whether as a factor strengthening unity or as a source of challenges within the framework of cultural and religious pluralism. This research employs a qualitative approach by analyzing policy documents, academic materials such as journals and books, as well as scholarly writings. Antonio Gramsci's theory of hegemony is also used to understand the role of dominant ideology in shaping social consciousness, and Syed Muhammad Naquib al-Attas's concept of the Islamization of knowledge is applied to evaluate ethical and intellectual dimensions in the context of a plural society. The findings show that Islamization serves as a core element in strengthening moral values and social cohesion, but when its implementation is not aligned with principles of justice and inclusivity, it can give rise to challenges.

Keywords: Islamization, social ideology, ethnic dynamics, unity, Malaysia.

¹ Muhammad Nizamuddin Azmi, Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA.

Email: p166510@siswa.ukm.edu.my

² Jaffary Awang, Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA. Email: jaffary@ukm.edu.my. [ORCID ID: 0000-0002-4181-9392].

Pengenalan

Secara umumnya, Islamisasi di Malaysia bukan hanya dilihat sebagai proses keagamaan. Sebaliknya, ia turut berkembang sebagai suatu ideologi sosial dan politik yang membentuk dasar negara, gaya budaya masyarakat serta cara pentadbiran dijalankan. Dalam konteks ini, Islamisasi berperanan sebagai mekanisme untuk menerapkan nilai dan etika Islam ke dalam pelbagai aspek kehidupan. Hal ini merangkumi bidang undang-undang, pendidikan, ekonomi dan juga hubungan sosial dalam masyarakat (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Akhirnya, keseluruhan proses ini bertujuan memperkukuh kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Pada masa yang sama, ia menyemai nilai moral dan spiritual dalam struktur sosial negara agar selari dengan identiti serta tradisi masyarakat Malaysia (Mohd Kamal Hassan, 2011).

Pada era 1980-an hingga 1990-an, kerajaan Malaysia mengambil langkah yang lebih tersusun untuk memperkukuh agenda Islamisasi. Usaha ini dapat dilihat melalui pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam serta penubuhan beberapa institusi penting seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Noraini Zulkifli, 2017). Langkah-langkah tersebut bukan sahaja bertujuan menyatukan pelbagai aliran pemikiran Islam dalam negara, tetapi juga sebagai respons terhadap kebangkitan gerakan Islamis pada masa itu. Selain itu, ia merupakan strategi untuk memastikan nilai Islam dijadikan asas dalam pembentukan masyarakat dan sistem pemerintahan negara (Chandra Muzaffar, 1987; Zainah Anwar, 1987). Secara tidak langsung, proses Islamisasi ini tidak lagi dilihat sebagai transformasi spiritual semata-mata. Sebaliknya, ia berkembang menjadi satu ideologi kebangsaan yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti serta hala tuju pembangunan Malaysia moden (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2013).

Islamisasi telah membawa perubahan yang signifikan dalam budaya dan cara hidup masyarakat Melayu, khususnya dari segi sistem kepercayaan, nilai sosial dan struktur pemikiran. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu banyak dipengaruhi oleh unsur animisme, Hindu-Buddha dan kepercayaan tradisional yang menekankan unsur spiritual alam serta ritual keagamaan tempatan (Abdul Rahman Embong, 2002). Namun, kemasukan Islam sejak abad ke-13 telah mengubah pandangan dunia masyarakat Melayu daripada berteraskan kepercayaan pelbagai dewa kepada konsep tauhid yang menegaskan keesaan Tuhan (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978).

Transformasi ini bukan sahaja melibatkan aspek ritual dan ibadah, tetapi turut menyentuh nilai sosial dan moral. Islam memperkenalkan prinsip persamaan manusia di sisi Allah, menggantikan sistem kasta dan hierarki spiritual warisan Hindu-Buddha (Hashim Musa, 2006). Nilai-nilai seperti keadilan, tolong-menolong, hormat-menghormati, dan adab dalam muamalah menjadi teras baharu dalam hubungan sosial masyarakat Melayu-Muslim (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998). Kesannya, Islamisasi membentuk jati diri Melayu-Islam yang berasaskan keseimbangan antara akidah, akhlak dan budaya setempat menjadikan Islam bukan sahaja agama, tetapi juga teras identiti budaya dan sosial bangsa Melayu (Shamsul Amri Baharuddin, 1996).

Konsep Islamisasi

Konsep Islamisasi merupakan teras utama dalam wacana pembangunan pemikiran dan masyarakat Islam moden. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), Islamisasi ialah satu proses penyucian ilmu dan pemikiran manusia daripada pengaruh unsur-unsur sekular dan jahiliyyah, lalu digantikan dengan pandangan alam (*worldview*) Islam yang berasaskan tauhid. Beliau menegaskan bahawa Islamisasi bukan sekadar proses spiritual, tetapi merupakan usaha intelektual untuk mengembalikan ilmu kepada fitrah asalnya, iaitu berpaksikan kepada wahyu dan akal yang terpandu (al-Attas, 1993). Dalam konteks yang lebih kontemporari, Fazlur Rahman (1982) mendefinisikan Islamisasi sebagai satu usaha untuk menyesuaikan kehidupan moden dengan nilai-nilai Islam tanpa menolak kemajuan sains dan teknologi. Menurut beliau, proses ini bukan penolakan terhadap modeniti, sebaliknya satu bentuk *reinterpretasi* nilai Islam agar tetap relevan dengan perubahan zaman. Sebagai sebuah ideologi sosial, Islamisasi berperanan membentuk norma moral, keadilan sosial dan tanggungjawab masyarakat berasaskan prinsip syariah. Ia menjadi landasan etika bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak, berdisiplin dan seimbang dari segi spiritual dan material (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Dalam konteks Malaysia, Islamisasi turut berfungsi sebagai mekanisme penyatuan identiti kebangsaan mengukuhkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan, sambil mengekalkan keharmonian antara kaum melalui penerapan nilai Islam seperti keadilan, toleransi dan kesederhanaan (*wasatiyyah*) (Mohd Kamal Hassan, 2011; Shamsul Amri Baharuddin, 1996).

Dari sudut perbandingan ideologi, sekularisme menolak campur tangan agama dalam urusan sosial, politik dan ekonomi, manakala Islamisasi menegaskan integrasi antara agama dan dunia sebagai satu kesatuan nilai dan sistem hidup (al-Attas, 1993; Nasr, 1994). Dalam paradigma Islam, agama tidak dianggap terpisah daripada dimensi sosial; sebaliknya, segala aspek kehidupan manusia dilihat sebagai medan untuk merealisasikan tanggungjawab khalifah dan pengabdian kepada Allah SWT. Oleh itu, Islamisasi sebagai ideologi sosial bukan sahaja menentang dualisme antara agama dan dunia, tetapi juga menawarkan kerangka nilai alternatif terhadap krisis moral dan spiritual yang dihadapi masyarakat moden (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998).

Islamisasi dan Pembentukan Identiti Sosial Melayu-Islam di Malaysia

Islamisasi memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sosial masyarakat Malaysia, khususnya dalam konteks masyarakat Melayu. Islam bukan sahaja agama, tetapi juga menjadi teras utama yang membentuk jati diri, budaya, dan nilai sosial masyarakat Melayu. Dalam perlembagaan Malaysia, tiga ciri utama bangsa Melayu termasuk beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu, dan mengamalkan adat istiadat Melayu, yang kesemua unsur ini membentuk identiti sosial yang kukuh dan unik (Ahmad Munawar, Zakaria Stapa, etc, 2012).

Islamisasi di Malaysia bukan sahaja membentuk dasar negara dan struktur pentadbiran, tetapi turut memainkan peranan penting dalam pembinaan identiti sosial

masyarakat Melayu-Muslim. Proses ini mula menonjol dengan jelas sejak era 1980-an apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (1985) di bawah pimpinan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dasar ini bertujuan menanam nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran dan kehidupan sosial tanpa menjejaskan keharmonian masyarakat majmuk (Funston, 1988; Hassan, 2009). Melalui dasar tersebut, nilai Islam seperti amanah, adil, bersih, dan bertanggungjawab dijadikan asas etika kerja dan tadbir urus negara, sekaligus membentuk satu bentuk identiti moral nasional yang berpaksikan Islam (Mutalib, 1993).

Kesan daripada dasar dan proses Islamisasi ini turut meluas dalam sektor sosial dan budaya. Islamisasi telah memperkukuh imej Melayu sebagai umat Islam yang membawa nilai moral dan spiritual dalam kehidupan seharian. Menurut Shamsul A. B. (1996), identiti Melayu-Islam ini kemudiannya diinstitusikan sebagai asas utama nasionalisme Malaysia, di mana Islam menjadi simbol penyatuan etnik Melayu dan sumber legitimasi politik dalam pembinaan negara bangsa. Di samping itu, pengaruh Islamisasi juga dapat dilihat melalui perubahan dalam bidang pendidikan, pakaian, media, dan gaya hidup masyarakat bandar yang semakin cenderung kepada nilai Islam (Nagata, 1984; Liow, 2009).

Dari sudut sosiologi, Islamisasi berperanan sebagai mekanisme sosial yang membentuk *collective consciousness* atau kesedaran bersama dalam kalangan umat Islam terhadap tanggungjawab moral dan sosial mereka. Proses ini selaras dengan pandangan Antonio Gramsci (1971) mengenai hegemoni ideologi, di mana nilai-nilai dominan digunakan untuk membentuk persetujuan sosial dan kestabilan politik. Dalam konteks Malaysia, Islamisasi menjadi “hegemoni moral” yang membentuk pandangan dunia masyarakat terhadap isu keadilan sosial, ekonomi, dan hubungan antara kaum (Farish Noor, 2009). Namun, dalam masyarakat plural, proses ini juga menimbulkan cabaran baharu berkaitan persepsi terhadap eksklusivisme Islam dan kebimbangan bukan Islam terhadap pengaruh agama dalam dasar awam (Chandra Muzaffar, 1987).

Oleh itu, pembentukan identiti sosial berasaskan Islamisasi di Malaysia perlu difahami dalam kerangka *wasatiyyah* (kesederhanaan) yang menekankan keseimbangan antara prinsip Islam dan realiti masyarakat majmuk. Pendekatan ini bukan sahaja menegaskan peranan Islam sebagai asas moral dan spiritual negara, tetapi juga menekankan keterangkuman (*inclusivity*) dan keadilan sejagat sebagai asas perpaduan sosial (Mohd Kamal Hassan, 2011; Abdullah Ahmad Badawi, 2006). Maka, Islamisasi bukan sekadar simbol keagamaan, tetapi turut menjadi ideologi sosial yang dinamik dalam membentuk jati diri kebangsaan Malaysia moden.

Islamisasi dan Dinamika Hubungan Kaum dalam Masyarakat Majmuk

Islamisasi di Malaysia mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dinamika hubungan kaum di negara ini. Sebagai agama rasmi dan teras dalam identiti Melayu, Islam menjadi salah satu faktor penting yang mempengaruhi interaksi sosial antara kaum. Islam menekankan prinsip persamaan dan keadilan antara manusia tanpa mengira etnik, yang jika diamalkan secara ideal boleh menyumbang kepada

keharmonian dan perpaduan antara kaum di Malaysia. Dalam konteks ini, Islam mengiktiraf kemuliaan setiap individu dan menolak diskriminasi berdasarkan etnik (Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, etc, 2011).

Islamisasi di Malaysia mempunyai implikasi yang mendalam terhadap hubungan antara kaum dalam masyarakat majmuk. Sebagai agama rasmi Persekutuan, Islam bukan sekadar dimensi keagamaan, tetapi turut menjadi teras identiti politik dan sosial negara. Proses Islamisasi sejak tahun 1980-an telah memperkukuh kedudukan Islam dalam struktur pentadbiran dan dasar negara, namun pada masa yang sama menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat bukan Islam (Chandra Muzaffar, 1987; Shamsul A. B., 1996). Bagi sebahagian besar masyarakat Melayu-Muslim, Islamisasi dilihat sebagai usaha memperkukuh moral, integriti dan perpaduan nasional, manakala bagi sebahagian masyarakat bukan Islam, ia kadangkala ditafsirkan sebagai bentuk *Islamic dominance* atau perluasan pengaruh agama terhadap ruang awam (Liow, 2009).

Realitinya, hubungan kaum di Malaysia secara historisnya menghadapi pelbagai cabaran, termasuk isu perkauman dan keagamaan yang kadangkala menyebabkan ketegangan. Beberapa insiden dan sentimen perkauman yang timbul seringkali berkait dengan perbezaan agama dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, yang dapat mempengaruhi perasaan etnik bukan Melayu. Kerajaan dan pelbagai pihak berusaha mengharmonikan hubungan masyarakat berbilang bangsa melalui prinsip toleransi Islam dan dasar negara yang menggalakkan integrasi dan kesamarataan, walaupun terdapat ketegangan tertentu yang perlu diatasi secara berterusan (Enizahura, 2020) Dalam konteks perpaduan nasional, Islamisasi telah menyumbang kepada pembinaan nilai bersama yang berasaskan etika Islam seperti keadilan, tanggungjawab sosial, dan kesederhanaan (*wasatiyyah*). Nilai-nilai ini secara teorinya dapat menjadi jambatan antara pelbagai kaum melalui semangat kemanusiaan sejagat dan kesejahteraan sosial (Mohd Kamal Hassan, 2011). Dasar-dasar seperti Islam Hadhari dan kini Malaysia Madani menggambarkan usaha kerajaan untuk menampilkan wajah Islam yang progresif, inklusif, dan selaras dengan realiti pluralisme masyarakat (Abdullah Ahmad Badawi, 2006; Anwar Ibrahim, 2023). Pendekatan ini menegaskan bahawa Islam tidak bertentangan dengan kepelbagaian budaya, bahkan berperanan sebagai asas nilai sejagat yang mengiktiraf keadilan dan kemuliaan setiap manusia tanpa mengira agama (Nasr, 1994).

Namun begitu, dinamika hubungan kaum dalam konteks Islamisasi turut memperlihatkan ketegangan dan persepsi berbeza antara komuniti. Menurut Chandra Muzaffar (1987), kegagalan memahami Islam dalam kerangka nilai universal sering menyebabkan sebahagian masyarakat bukan Islam menganggap Islamisasi sebagai ancaman terhadap kebebasan beragama dan sekularisme dalam sistem politik Malaysia. Tambahan pula, Shamsul A. B. (1996) menegaskan bahawa Islamisasi di Malaysia bukan sahaja fenomena keagamaan, tetapi juga proses pembinaan hegemoni politik Melayu-Islam yang mewarnai struktur kuasa dan simbol kenegaraan di Malaysia. Hegemoni ini, berdasarkan kerangka teori Antonio Gramsci (1971), berfungsi membentuk "*consent*" sosial melalui ideologi dominan, yang dalam konteks Malaysia diterjemahkan sebagai legitimasi politik berasaskan Islam dan Melayu.

Walau bagaimanapun, Liow (2009) berpendapat bahawa proses ini juga boleh dilihat sebagai bentuk *negotiated Islamization*, di mana pelaksanaannya tertakluk kepada realiti politik dan keperluan untuk mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk. Dalam erti kata lain, Islamisasi di Malaysia bukanlah bentuk paksaan ideologi yang monolitik, tetapi satu proses adaptif yang berinteraksi dengan keperluan sosial dan tekanan politik semasa. Pandangan ini menunjukkan bahawa kejayaan Islamisasi bergantung kepada keupayaannya menyeimbangkan antara tuntutan agama dan keperluan pluralisme budaya.

Oleh itu, cabaran utama dalam dinamika hubungan kaum ialah memastikan Islamisasi difahami dan dilaksanakan secara inklusif dan sejagat, bukan secara eksklusif yang memisahkan “kita” dan “mereka.” Pendekatan Islamisasi yang berpaksikan nilai rahmah, keadilan, dan keterangkuman dapat menjadi asas kukuh kepada keharmonian nasional sebagaimana digariskan dalam gagasan *Maqasid Syariah* yang menekankan penjagaan agama, akal, nyawa, harta, dan maruah manusia secara menyeluruh (Kamali, 2008). Dengan demikian, Islamisasi dapat berfungsi bukan sahaja sebagai ideologi keagamaan, tetapi juga sebagai teras integrasi sosial yang memupuk perpaduan dalam kepelbagaian.

Teori Hegemoni Gramsci dan Islamisasi Ilmu Al-Attas

Perbincangan tentang Islamisasi di Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada kerangka teori sosial dan epistemologi yang menjelaskan bagaimana kuasa, ideologi, dan ilmu membentuk kesedaran masyarakat. Dalam hal ini, teori *hegemoni* oleh Antonio Gramsci (1971) dan gagasan Islamisasi ilmu oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978, 1993) dapat dijadikan dua kerangka yang saling melengkapi dalam memahami hubungan antara ideologi, struktur sosial, dan pembentukan nilai Islam dalam masyarakat majmuk.

Menurut Gramsci (1971), *hegemoni* merujuk kepada dominasi ideologi yang tidak hanya dipaksakan melalui kekuatan politik atau ketenteraan, tetapi diterima secara sukarela oleh masyarakat kerana ia disebarkan melalui institusi sosial seperti pendidikan, agama, dan media. Kuasa hegemonik ini berfungsi membentuk *common sense* masyarakat iaitu sistem nilai dan pemikiran yang diterima umum sebagai “kebenaran sosial”. Dalam konteks Malaysia, Islamisasi boleh difahami sebagai satu bentuk *counter-hegemony*, iaitu usaha mewujudkan wacana alternatif terhadap pengaruh sekularisme Barat yang mendominasi sistem pendidikan dan budaya moden. Melalui dasar seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan penubuhan institusi Islam, negara berusaha membentuk kesedaran sosial berteraskan nilai Islam sebagai norma nasional (Shamsul A.B., 1996).

Sementara itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) melihat Islamisasi sebagai proses menyucikan ilmu daripada pengaruh falsafah dan pandangan dunia sekular yang memisahkan agama daripada kehidupan. Bagi beliau, krisis umat Islam berpunca daripada kekeliruan ilmu (*confusion of knowledge*) yang berpaksikan dualisme antara dunia dan agama. Justeru, beliau menegaskan bahawa Islamisasi ilmu ialah usaha mengembalikan ilmu kepada *adab* iaitu pengetahuan tentang tempat yang benar bagi setiap sesuatu dalam susunan wujud dan makna. Dalam pandangan ini, Islamisasi bukan sekadar wacana teologi, tetapi juga gerakan epistemologi yang

menolak hegemoni sekularisme dan positivisme Barat terhadap pemikiran Islam (al-Attas, 1993).

Jika dilihat secara sintesis, teori hegemoni Gramsci dan konsep Islamisasi ilmu al-Attas berkongsi matlamat yang sama iaitu membebaskan kesedaran manusia daripada penguasaan ideologi dominan. Gramsci menekankan pembebasan melalui kesedaran kelas dan intelektual organik yang mampu mencabar hegemoni kapitalis, manakala al-Attas menekankan pembebasan rohani dan intelektual daripada worldview Barat yang memisahkan ilmu daripada nilai ketuhanan. Kedua-duanya menegaskan pentingnya *transformasi kesedaran* sebagai asas perubahan sosial — Gramsci melalui *praxis politik*, dan al-Attas melalui *pembersihan epistemologi* (Rahman, 2018).

Dalam konteks Islamisasi di Malaysia, sintesis kedua-dua gagasan ini membantu menjelaskan bagaimana ideologi Islam berfungsi sebagai kuasa hegemonik yang membentuk identiti nasional dan moral masyarakat. Melalui institusi pendidikan, media Islam, dan wacana keilmuan, nilai-nilai Islam disebarikan sebagai norma sosial yang diterima umum. Namun, seperti yang diingatkan oleh Chandra Muzaffar (1987), hegemonisasi Islam perlu diimbangi dengan prinsip keadilan dan keterangkuman agar tidak menindas pandangan minoriti atau menafikan pluraliti sosial. Oleh itu, pemahaman terhadap hegemoni Islamisasi harus bersifat dinamik — bukan sebagai alat dominasi, tetapi sebagai mekanisme pencerahan (*intellectual liberation*) yang menegakkan nilai keadilan, kebenaran dan kesedaran moral dalam masyarakat majmuk.

Cabaran dan Implikasi Pelaksanaan Islamisasi di Malaysia

Pelaksanaan Islamisasi di Malaysia secara umumnya telah memberi kesan positif terhadap pembangunan nilai moral dan etika masyarakat. Menurut Shamsul A.B. (1996), Islamisasi berfungsi sebagai suatu proses pembentukan hegemoni nilai yang berupaya menstruktur semula kesedaran sosial masyarakat Malaysia berdasarkan prinsip moral Islam. Usaha kerajaan memperkenalkan dasar-dasar seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Islam Hadhari telah berjaya menanamkan nilai integriti, keadilan sosial, dan tanggungjawab moral dalam pentadbiran awam serta sistem pendidikan (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Malah, pelbagai kajian menunjukkan bahawa Islamisasi turut memperkukuh identiti nasional dengan menempatkan Islam sebagai teras etika sosial yang membimbing hubungan antara individu, masyarakat dan negara (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2010).

Pelaksanaan Islamisasi di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang berimpak besar kepada aspek sosial, pendidikan, dan politik negara. Salah satu cabaran utama ialah fenomena Islamofobia dan salah tanggapan terhadap Islam yang dilihat sebagai ancaman oleh sesetengah pihak, sekaligus menimbulkan ketegangan antara masyarakat berbilang kaum dan agama. Selain itu, ada golongan yang menggunakan Islam untuk menanam kebencian terhadap pihak yang berbeza, yang menimbulkan perpecahan sosial dan menggoyahkan perpaduan negara. Kerajaan Malaysia berusaha menangani isu ini secara bijaksana dengan penekanan kepada prinsip toleransi dan harmoni antara masyarakat (MD Zain, 2024).

Tambahan pula, Chandra Muzaffar (1987) menegaskan bahawa pelaksanaan Islamisasi di Malaysia cenderung bersifat institusional dan elitis, yang kadangkala gagal mencerminkan prinsip keadilan sejagat Islam, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk. Pendekatan yang terlalu menekankan simbol dan peraturan agama tanpa pemahaman nilai universalnya boleh menimbulkan persepsi eksklusif dalam kalangan bukan Islam serta mencetuskan kebimbangan terhadap potensi diskriminasi budaya dan agama. Dalam hal ini, Liow Chin Yong (2009) menjelaskan bahawa cabaran utama Islamisasi bukan terletak pada ideologinya, tetapi pada pelaksanaan yang kurang menekankan nilai kesetaraan, dialog, dan toleransi antara agama.

Dalam bidang pendidikan, proses Islamisasi ilmu menghadapi cabaran besar untuk membasmi dualisme antara ilmu sekular dan agama. Usaha mengintegrasikan sistem pendidikan agama dan sistem pendidikan moden memerlukan kurikulum yang bersepadu dan pembangunan nilai murni dalam kalangan pelajar, yang bukan mudah kerana perbezaan pendekatan dan kefahaman dalam kalangan pendidik dan masyarakat. Kekurangan tenaga mahir dalam bidang dakwah dan pendidikan Islam juga menjadi halangan kepada pementapan proses Islamisasi ilmu.

Selain itu, dari sudut politik dan pentadbiran, Islamisasi juga terdedah kepada risiko digunakan sebagai alat legitimasi kuasa politik. Farish A. Noor (2004) menyatakan bahawa wacana Islamisasi di Malaysia sering kali dipolitikkan oleh parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab bagi mengukuhkan pengaruh dalam kalangan umat Islam, sehingga menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan ia terperangkap antara idealisme moral dan realiti politik. Keadaan ini berpotensi mengurangkan keaslian Islamisasi sebagai gerakan pencerahan spiritual dan epistemologi, menjadikannya sebahagian daripada strategi politik yang bersifat hegemonik dan eksklusif.

Dari perspektif sosial pula, pelaksanaan Islamisasi turut berdepan dengan cabaran pluralisme budaya dan agama. Dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, Islamisasi yang tidak sensitif terhadap konteks sosiobudaya boleh menimbulkan ketegangan identiti dan perasaan terpinggir dalam kalangan bukan Islam (Means, 1991). Oleh itu, Rahimin Affandi Abd Rahim (2012) menegaskan perlunya pendekatan Islamisasi yang inklusif dan berteraskan *maqasid al-shariah*, iaitu penekanan terhadap nilai keadilan, kebajikan, dan kemanusiaan sejagat tanpa mengira latar agama atau etnik. Pendekatan ini dilihat lebih sejajar dengan semangat *rahmatan lil-'alamin* yang menegaskan keseimbangan antara kepatuhan kepada prinsip Islam dan keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk.

Secara keseluruhannya, walaupun Islamisasi di Malaysia telah berjaya memperkukuh nilai moral, etika pentadbiran, dan identiti kebangsaan, pelaksanaannya masih memerlukan penilaian semula agar selaras dengan prinsip keadilan sosial dan keterangkuman. Islamisasi yang bersifat inklusif dan berorientasikan nilai kemanusiaan sejagat mampu menjadi jambatan integrasi antara agama dan budaya sekali gus menjamin keharmonian nasional yang berteraskan keadilan, kesederhanaan, dan saling menghormati.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, proses Islamisasi di Malaysia merupakan fenomena sosial, politik dan intelektual yang kompleks serta mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan identiti nasional dan struktur hubungan antara kaum. Analisis terhadap konsep Islamisasi menunjukkan bahawa ia bukan sekadar agenda keagamaan, tetapi satu ideologi sosial yang membentuk nilai, moral, serta budaya politik negara. Sejak gelombang Islamisasi pada 1980-an, pelbagai dasar negara seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Islam Hadhari dan Malaysia Madani telah menginstitusikan nilai Islam dalam sistem pentadbiran, pendidikan dan kehidupan sosial. Usaha ini telah berjaya memperkukuh etika kerja, meningkatkan integriti pentadbiran, dan membentuk kesedaran moral masyarakat melalui nilai-nilai universal seperti amanah, keadilan dan kesederhanaan.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa pelaksanaan Islamisasi menghadapi cabaran besar dalam memastikan keadilan dan keterangkuman dalam konteks masyarakat majmuk. Jika pelaksanaannya terlalu menekankan simbolisme agama atau dipolitikkan, ia berpotensi mewujudkan ketegangan identiti serta persepsi eksklusif dalam kalangan bukan Islam. Analisis menggunakan kerangka teori hegemoni Gramsci memperlihatkan bagaimana Islamisasi boleh berfungsi sebagai ideologi dominan yang membentuk kesedaran sosial, namun ia perlu disokong oleh nilai *consent* dan keterangkuman agar tidak menjadi bentuk dominasi yang menjejaskan keharmonian sosial. Dalam masa yang sama, gagasan Islamisasi ilmu oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas memberi penekanan terhadap pembersihan epistemologi dan pembinaan adab sebagai asas transformasi masyarakat, menunjukkan bahawa Islamisasi yang autentik perlu bermula daripada pembentukan kesedaran dan ilmu, bukan hanya melalui struktur institusi.

Oleh itu, masa depan Islamisasi di Malaysia perlu digerakkan melalui pendekatan Islamisasi inklusif yang menekankan nilai kemanusiaan sejagat, keadilan sosial dan penghormatan terhadap pluralisme agama. Pendekatan ini harus berteraskan *maqasid al-shariah* sebagai kerangka moral yang menekankan kesejahteraan semua manusia tanpa mengira latar agama. Selain itu, dialog antara agama, pendidikan kritikal tentang nilai Islam, serta reformasi institusi agama perlu diberi keutamaan bagi memastikan Islamisasi terus relevan dalam membina perpaduan nasional. Dengan keseimbangan yang tepat antara prinsip Islam dan realiti masyarakat majmuk, Islamisasi berpotensi menjadi asas integrasi sosial yang kukuh serta menjamin keharmonian negara dalam jangka masa panjang.

Acknowledgement

This article is part of Master study conducted at the Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, and was carried out without funding from any party.

Conflict of Interest Statement

The authors declare that there are no conflicts of interest regarding the publication of this article. All contributions were made objectively without any personal, financial, or institutional influence that could compromise the integrity of the work.

Authors' Contributions Statement

All authors contributed to the conceptualisation, methodology, and analysis.

1. **Nizamuddin** prepared the first draft.
2. **Jaffary Awang** handled the restructuring, review and editing.
3. All authors have read and approved the final version of the manuscript.

Ethics Statement

This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants (when applicable) and strict confidentiality maintained.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. 1978. *Islam and sSecularism*. ABIM.
- Al-Attas, S. M. N. 1993. *Islam and the Philosophy of Science*. ISTAC.
- Ambya et. al. 2025. Modernization and national identity: Quantitative insights into the role of Islamic education in Malaysia. *Al-Islah. Jurnal Pendidikan* 17 (1): 878-893.
<https://journal.staihubbulwathan.id/index.php/alishlah/article/view/6611>
- Anwar Ibrahim. 2023. *Membangun Malaysia Madani*. Institut Darul Ehsan.
- Chandra Muzaffar. 1987. *Islamic Resurgence in Malaysia*. Pelanduk Publications.
- Chandra Muzaffar. 2002. *Rights, Religion and Reform: Enhancing Human Dignity through Spiritual and Moral Transformation*. RoutledgeCurzon.
- Farish A. Noor. 2004. *Islam Embedded: The Historical Development of the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS), 1951–2003*. Malaysian Sociological Research Institute.
- Farish A. Noor. 2009. *The Malaysian Islamic Party PAS: Historical Trajectories and Future Prospects*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Fazlur Rahman. 1982. *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. University of Chicago Press.
- Funston, J. 1988. *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*. Heinemann.
- Gramsci, A. 1971. *Selections from the Prison Notebooks*. Lawrence and Wishart.
- Hashim Musa. 2006. *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, M. K. 2009. *The Need to Understand the Concept of Islamization*. IIUM Press.
- Kamali, M. H. 2008. *Shari'ah law: An Introduction*. Oneworld Publications.
- Liow, J. C. Y. 2009. *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. Oxford University Press.
- Liow, J. C. Y. 2010. *Religious Reform, Development and Governance in Malaysia*. Routledge.
- Means, G. P. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Oxford University Press.

- Mohd Azizuddin Mohd Sani. 2010. *Freedom of Political Speech and Social Responsibility in Malaysia*. Lambert Academic Publishing.
- Mohd Kamal Hassan. 2011. *The Concept of Islamic Civilization and Contemporary Challenges*. IIUM Press.
- Muhammad Fahmi. 2025. Multicultural Islamic education as strategy for strengthening social cohesion in Islamic school. *Jurnal Pendidikan Islam*. 8 (1): 154-175. <https://nazhruna.uacmjk.ac.id/index.php/nzh/article/view/67>
- Muhammad Syukri Salleh. 2003. *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mutalib, H. 1993. *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Oxford University Press.
- Nagata, J. 1984. *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*. University of British Columbia Press.
- Nasr, S. H. 1994. *A Young Muslim's Guide to the Modern World*. Kazi Publications.
- Noraini Zulkifli. 2017. Islamization policies and their impact on Malaysian society. *Malaysian Journal of Islamic Studies* 5(2): 45–60.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2012. Pendekatan Maqasid Syariah dalam pembinaan dasar Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 9: 1–22.
- Rahman, F. 2018. *Contemporary Islamic Thought and the Challenge of Secularism*. IIUM Press.
- Shamsul A. B. 1996. Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Southeast Asian Studies* 34(3): 476–499.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. ISTAC.
- Zainah Anwar. 1987. *Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among the Students*. Pelanduk Publications.